

# PERBANDINGAN IMBUHAN AWALAN KATA KERJA BAHASA BAJAU KOTA BELUD DAN BAJAU SEMPORNA

Saidatul Nornis Hj. MAHALI<sup>1\*</sup>

Mohd Afis ISMAIL<sup>2</sup>

Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah

<sup>1</sup>saidatul@ums.edu.my\*

<sup>2</sup>mohdafis1993@gmail.com, <sup>2</sup>MU1821012T@student.ums.edu.my

*Manuscript received 2 December 2021*

*Manuscript accepted 21 November 2022*

*\*Corresponding author*

<https://doi.org/10.33736/ils.4246.2022>

## ABSTRAK

Makalah ini bertujuan mendeskripsi awalan kata kerja bahasa Bajau dari daerah Kota Belud dan Semporna, Sabah. Data diperoleh melalui temu bual tidak berstruktur. Kaedah temu bual secara bersemuka dan secara santai dilakukan sambil membuat rakaman terhadap semua aktiviti harian. Aktiviti harian tersebut melibatkan kegiatan ekonomi dan sosial para informan. Analisis menunjukkan terdapat pelbagai bentuk imbuhan dalam kedua-dua bahasa Bajau, namun imbuhan-imbuhan berkenaan memperlihatkan perbezaan ketara antara satu sama lain. Malah, dapatan juga memperlihatkan perbezaan dengan hasil kajian Omar (1983). Bagaimanapun, makalah ini hanya berfokus kepada imbuhan awalan kata kerja m(N) dalam bahasa Bajau Kota Belud yang mempunyai tiga alomorf, iaitu m-, n- dan ng-, dan imbuhan a(N) dalam bahasa Bajau Semporna yang juga memiliki tiga alomorf, iaitu an-, am- dan ang-. Kedua-dua imbuhan awalan tersebut boleh diimbuh dengan semua fonem vokal dan fonem konsonan /p, b, t, d, k, g, h, l, r, dan s/. Didapati juga bahawa imbuhan awalan dalam kedua-dua bahasa ini merupakan imbuhan yang sangat produktif dan boleh diimbuh dengan tiga jenis kata, iaitu kata nama, kata kerja dan kata adjektif.

**Kata kunci:** morfologi; imbuhan awalan kata kerja; bahasa Bajau; perbandingan; Sabah

## **BAJAU LANGUAGE: THE USAGE OF VERB PREFIXES IN KOTA BELUD AND SEMPORNA**

### **ABSTRACT**

This paper describes the prefixes of Bajau verbs from Kota Belud district and Semporna district of Sabah. Data were obtained through unstructured interviews. The data were obtained through face-to-face interviews and recordings of the informants' daily activities in the economic and social activities. The analysis shows that there are various forms of prefix in these languages which are used differently by speakers of Bajau from the two districts. The Kota Belud Bajau prefix m(N) has three allomorphs, namely, m-, n- and ng-, while the Semporna Bajau has a(N) which also has three allomorphs, that is, an-, am- and ang-. Both prefixes can be affixed with all vowel and consonant /p, b, t, d, k, g, h, l, r, and s/. It is also found that prefixes in both languages are very productive and can be adjoined to three types of words, specifically nouns, verbs and adjectives.

**Keywords:** morphology; verb prefix; Bajau language; comparison; Sabah

### **Pengenalan**

Setiap kumpulan dan subkumpulan bahasa-bahasa Austronesia memiliki struktur dan karakteristik berbeza. Namun begitu, bahasa-bahasa yang bersumberkan keluarga bahasa yang sama cenderung memiliki struktur dan ciri-ciri yang hampir serupa juga. Sejalan dengan hal ini, adalah lazim apabila semua bahasa di bawah rumpun Austronesia memperlihatkan ciri-ciri dan struktur, yakni fonologi, morfologi atau sintaksis yang hampir sama. Salah satu daripada aspek dalam pengkajian linguistik yang masih kurang mendapat perhatian ialah aspek morfologi. Morfologi itu luas sifatnya, bukan sekadar melihat proses imbuhan semata-mata, malah terdapat banyak lagi unsur-unsur kecil yang turut berperanan semasa proses pembentukan kata berlaku.

Untuk mempelajari sesebuah bahasa maka salah satu aspek linguistik yang perlu dikuasai ialah aspek morfologinya. Kesalahan dan kekaburan terhadap penggunaan semua bentuk morfologi akan mengakibatkan salah tafsir semasa proses berkomunikasi. Aronoff dan Fudeman (2010) menghuraikan morfologi sebagai merujuk kepada sistem mental yang melibatkan 18 pembentukan kata atau cabang-cabang linguistik yang berkait dengan perkataan, sama ada bersifat struktur dalaman dan kaedah pembentukannya. Nida (1974) pula menjelaskan morfologi sebagai kajian tentang morfem dan susunannya untuk membentuk kata-kata.

Salah satu bahasa etnik yang belum menerima banyak dokumentasi adalah morfologi bahasa Bajau. Himpunan penyelidikan sarjana linguistik berkait dengan aspek morfologi lebih banyak bertumpu kepada bahasa Melayu. Umum mengetahui bahawa penutur bahasa Bajau boleh ditemui di tiga negara berbeza, yakni di Malaysia, Filipina dan Indonesia. Kesemua bahasa Bajau yang dituturkan di tiga negara tersebut memperlihatkan kosa kata dan makna yang berbeza. Hal ini terjadi disebabkan

wujudnya pengaruh bahasa-bahasa tempatan terhadap bahasa Bajau di wilayah berkenaan. Di Sabah terdapat dua variasi bahasa Bajau, iaitu yang dituturkan di bahagian barat dan timur Sabah. Memandangkan wujudnya variasi bagi bahasa berkenaan, maka pastilah wujud perbezaan dari segi pengimbuhan, sama ada melibatkan imbuhan awalan, akhiran, apitan, mahupun sisipan. Bahasa Bajau yang dituturkan di pantai barat dan di pantai timur Sabah memaparkan bentuk yang berbeza.

Bahasa Bajau tergolong ke dalam jenis bahasa aglutinatif yang banyak menggunakan pengimbuhan untuk membentuk perkataan terbitan (Omar, 1983). Sebagai bahasa yang bersifat derivatif, bahasa ini membentuk kebanyakan perkataannya melalui proses pengimbuhan atau penggabungan morfem dasar dengan morfem imbuhan secara rentetan mendatar, iaitu imbuhan digabungkan serentak dengan kata dasar, sama ada imbuhan itu mendahului (awalan), menyisipi (sisipan), mengikuti (akhiran) atau hadir secara serentak pada awalan dan akhiran (apitan). Setiap bentuk imbuhan tersebut mempunyai fungsi gramatis tersendiri untuk menanda fokus, waktu dan perbuatan. Golongan kata yang dapat membentuk kerja kerja terbitan dalam bahasa Bajau terdiri daripada golongan kata nama, kata kerja dan kata adjektif. Seiring itu, proses pembentukan kata kerja yang dibincangkan adalah terbatas kepada pola imbuhan awalan kata kerja sahaja.

Mengikut Alias dan Collins (2017), sememangnya wujud kekurangan perhatian terhadap kajian-kajian bersifat morfologi, sintaksis dan semantik. Kekurangan kajian sedemikian, khusus dalam aspek morfologi menyebabkan timbul kesukaran kepada khalayak untuk mengetahui dan menentukan dengan jelas akan bentuk-bentuk imbuhan dalam bahasa-bahasa etnik. Apatah lagi sekiranya bahasa-bahasa tersebut tergolong dalam rumpun keluarga bahasa yang sama, misalnya bahasa Bajau di pantai barat dan timur Sabah yang tergolong dalam Rumpun Keluarga Bahasa Sama-Bajaw. Sehubungan dengan itu, jika berlaku kesilapan proses pembentukan kata, maka ia berupaya menimbulkan salah tafsir semasa proses berbahasa.

Kekurangan kajian morfologi dalam bahasa-bahasa etnik di Sabah terjadi berkemungkinan disebabkan oleh akses yang sukar ke dalam khalayak penutur bahasa etnik berkenaan, yang kebanyakannya mendiami kawasan Pedalaman dan Pulau-pulau. Berkemungkinan juga tidak ramai pengkaji yang memahami bahasa-bahasa etnik di Sabah. Keadaan itu ditambah lagi dengan sikap penutur natif sendiri yang lebih gemar menuturkan dialek Melayu Sabah berbanding bahasa etnik. Situasi itu menyebabkan banyak bahasa etnik sedang dan bakal berada pada tahap kepunahan. Hal ini sejajar dengan pernyataan pihak Ethnologue (n.d.) yang menjelaskan bahawa bahasa-bahasa di Sabah berada pada paras 6, yakni pada tahap terancam. Kedudukan bahasa-bahasa etnik semakin terancam dan sedang berada di laluan kepunahan. Seiring dengan konteks itu, bahasa Bajau didapati berada pada tahap kod merah, yakni sedang berada pada tahap terancam (EGIDS 6b-9) yang ditafsir sebagai "bukan lagi kebiasaan kanak-kanak belajar dan menggunakan bahasa ini" (Lewis & Simons, 2010, p. 105). Maka, usaha untuk mendokumentasi bahasa-bahasa etnik memerlukan usaha segera untuk mendepani proses ancaman kepupusan bahasa, apatah lagi dalam sesebuah bahasa yang strukturnya terbahagi kepada banyak kategori, antaranya termasuklah fonetik,

fonologi, morfologi, semantik, pragmatik, dan sintaksis serta bentuk komunikasi lainnya. Memandangkan kekayaan linguistik sesebuah bahasa itu tidak sama antara setiap bahasa, maka perlu diupayakan pendokumentasian semua keunikan itu dengan sebaiknya sebelum bahasa-bahasa etnik itu pupus.

Pengkajian morfologi di Sabah pula didapati bertumpu kepada bahasa Kadazandusun dan sedikit terhadap bahasa Bajau. Antara kajian lepas yang memberi fokus kepada bahasa Bajau, sama ada yang dituturkan di pantai barat mahupun di pantai timur Sabah, termasuklah hasil tulisan Schneeberger (1937), Bagul (1950), Sather (1968), Omar (1980, 1983), Banker (1984), Smith (1984), Walton dan Moody (1984), Yaakob dan Abbas (1986), Tahir (1989), Mirafuentes (1991), Masri (2001), Hinayat [penyelenggara] (2003), Ab Gani (2009), Mahali (1997, 1998, 2002, 2010), dan Miller (2007). Penelitian lain pula berkait dengan bahasa Bajau yang dituturkan di luar Sabah, namun masih dalam konteks bahasa Bajau, sama ada yang dituturkan di Filipina mahupun di Indonesia, misalnya hasil kajian oleh Allison (1979), Pallesen (1979), Walton (1979, 1986), Hapip dan Darmansyah (1979), Verheijen (1986), Candrawati (1997), Grimes (2003), Akamine (2005), serta Chandra (2010). Semua hasil penelitian berkenaan didapati bervariasi sifatnya dan tidak banyak yang menumpukan perbincangan terhadap aspek morfologi, kecuali kajian Masri (2001), Mahali (2002, 2010), dan Miller (2007). Ketiga-tiga hasil tulisan tersebut berkait dengan bahasa Bajau yang dituturkan di pantai barat Sabah, khususnya di daerah Kota Belud. Namun demikian, pemerihal dalam kesemua bahan berkenaan bersifat asas sahaja dan tidak mendalam. Tiada Sebarang dokumentasi yang membandingkan aspek morfologi atau membandingkan imbuhan dalam bahasa ini ditemukan.

Bahasa Sama-Bajaw membentuk satu daripada 11 subkumpulan bahasa Austronesia di bawah cabang Malayo-Polinesia Barat (Ruhlen, 1987). Meskipun bahasa Bajau Kota Belud (BKB) dan Bajau Semporna (BS) sama-sama tergolong ke dalamnya, namun masih terdapat perbezaan antara kedua-duanya. Jumlah fonem dalam kedua-dua bahasa ini juga memperlihatkan perbezaan. Sather (1968) misalnya menjelaskan terdapat 22 fonem dalam bahasa Bajau Semporna, iaitu fonem kosonan /p, b, t, d, j, h, g, k, l, r, s, m, n, ng, w, y/ dan fonem vokal /a, e, i, o, u/, sedangkan dapatan kajian Omar (1983) dan Mahali (2010) menyatakan terdapat 26 fonem bagi kedua-dua bahasa berkenaan, iaitu konsonan /p, b, t, d, c, j, l, k, g, q, m, n, ng, ny, r, s, w, y/ dan vokal /a, e, ê, ì, o, ô, u/. Perbezaan fonem sedemikian akan secara tidak langsung turut menunjukkan jumlah fonem berbeza yang terlibat dalam proses pembentukan kata.

Selain itu, jumlah imbuhan dalam kedua-dua bahasa ini juga berbeza. Omar (1983) menerangkan bahawa bahasa BKB memiliki 12 jenis imbuhan, iaitu nasalisasi; be-, pe-, ko-, me-, te-, se-, -en-, -em-, -an, ke-an, dan pe-an. Bahasa BS pula mempunyai 21 imbuhan, yakni a(N), a(N)-an, anga(N)-an, anga(N), mag-, mag-an, pa(N), pa-, pa(N)-an, maka, ta-, ni-, -in-, -um-, -un-, ta-an, ni-an, ka-an, -in-an, da-, dan -an. Jelas ditunjukkan perbezaan dapatan imbuhan antara hasil kajian Omar (1983) dengan hasil penelitian awal ini. Berdasarkan penelitian ini didapati bahawa bahasa BKB memiliki sembilan bentuk imbuhan, iaitu m(N), pe-, te-, se-, -in-, -an, ke-an, dan pe-an, manakala bahasa BS pula memiliki sebanyak 16 imbuhan, iaitu a(N), anga(N), pi-, bi-, ki-, gi-, si-, ti-, ni-

nipa-, -in-, mag-, -an, -un, ta-, dan pa-. Imbuhan bahasa BKB hampir menyamai imbuhan bahasa Melayu, iaitu sejajar dengan pernyataan Smith (1984) yang menerangkan bahawa bahasa Bajau pantai barat banyak dipengaruhi oleh bahasa Melayu sama ada oleh bahasa Melayu standard, bahasa Melayu Brunei mahupun bahasa Kedayan. Berbanding imbuhan bahasa BS yang memperlihatkan perbezaan ketara, yakni terdapat awalan produktif a(N), a(N)-an, anga(N)-an, dan anga(N), keadaan sedemikian serupa dengan awalan produktif bahasa Sama-Bajaw Mapun, Bangingi, Pangutaran, dan Yakan, iaitu awalan (ma)ka-. Penanda awalan produktif sedemikian menjadi antara ciri yang membezakan imbuhan antara bahasa BKB dengan bahasa BS. Malahan, ujian kesalingfahaman yang dijalankan oleh pihak *Summer Institute of Linguistic* (SIL) mengesahkan bahawa "Bajau Pantai Barat dan Bajau Pantai Timur sememangnya bahasa yang berasingan" (Banker, 1984, p. 110).

Oleh yang demikian, tidaklah menghairankan jika wujudnya perbezaan dari segi pembentukan kata dalam kedua-dua bahasa ini. Daripada perspektif tipologi, corak pembentukan aspek kata dalam bahasa BKB mirip kepada bahasa Indonesia yang mempamerkan dua sistem suara (*two-voice system*), yakni mempunyai pelaku dan penerima (*actor & undergoer*) (Miller, 2007), berbanding bahasa BS yang mirip kepada bahasa Filipina (Sather, 1997; Smith, 1984; Walton & Moody, 1984).

Memandangkan sangat dininya penelitian morfologi dalam kelompok bahasa Bajau di Sabah, maka makalah ini diusahakan untuk memperlihatkan perbandingan imbuhan awalan kata kerja antara bahasa Bajau yang dituturkan di daerah Kota Belud dan bahasa Bajau yang dituturkan di daerah Semporna.

### Kaedah Kajian

Kajian ini dilaksanakan di dua kawasan berbeza, yakni di pantai barat dan pantai timur Sabah dengan tumpuan kepada dua buah kampung di kedua-dua bahagian berkenaan. Kampung Timbang Dayang dalam daerah Kota Belud mewakili penutur bahasa Bajau dari pantai barat, manakala Kampung Pokas dalam daerah Semporna mewakili penutur bahasa Bajau dari pantai timur Sabah.

Untuk mendapatkan informan, ketua-ketua kampung berkenaan telah dihubungi dan dimaklumkan berkait dengan tujuan kajian ini. Ketua kampung telah mencadangkan nama-nama informan untuk ditemui dan ditemu bual. Seramai dua orang informan telah dipilih bagi setiap kampung, bermakna terdapat empat orang informan terlibat. Kesemua informan merupakan penduduk asal di kampung-kampung berkenaan yang terdiri daripada wanita dan berumur sekitar 60-65 tahun. Informan wanita dipilih kerana mereka dianggap lebih peramah, mesra dan ekspresif (Fiske et al., 2002; Greenwald & Banaji, 1995). Semua informan merupakan individu yang tidak menerima pendidikan lanjutan, ataupun mereka belajar sehingga darjah enam sahaja.

Data dikumpul menggunakan pendekatan kualitatif dengan kaedah temu bual tidak berstruktur dan rakaman. Para informan ditanya mengenai aktiviti harian mereka setiap hari dan mereka dibiarkan bercerita mengenainya, sama ada sebagai petani mahupun sebagai nelayan. Tiada sebarang topik khusus diberi untuk maksud temu bual

berkenaan agar informan berasa lebih santai bercerita tanpa paksaan. Kesemua data berbentuk perbualan sahaja.

Data kemudiannya ditranskripsi dan dianalisis untuk pengkaji mengenal pasti imbuhan awalan kata kerja. Dengan demikian, data morfologi yang diperlukan mampu dikesan secara lebih baik. Memandangkan data bahasa yang dikutip memainkan peranan penting, maka informan bertindak sebagai pemaklum bahasa yang dikaji sepanjang menjalankan penyelidikan. Ia sejajar dengan pendapat Omar (2001) yang menjelaskan bahawa data yang dianalisis berkait struktur bahasa hendaklah menggambarkan apa yang tersirat dalam komuniti bahasa berkenaan.

### Dapatan dan Perbincangan

Hasil kajian ini mendapati bahawa bahasa Bajau yang dituturkan di dua wilayah berbeza di Sabah memperlihatkan bentuk morfologi yang berbeza. Kedua-dua variasi bahasa ini mempunyai beberapa bentuk imbuhan, iaitu imbuhan awalan, akhiran, apitan, dan sisipan. Meskipun terdapat sembilan imbuhan dalam bahasa BKB dan 16 imbuhan dalam bahasa BS, namun perbincangan ini hanya membincangkan imbuhan kata kerja dalam kedua-dua bahasa ini (Jadual 1).

#### Jadual 1

*Imbuhan Kata Kerja bagi Bahasa Bajau Kota Belud (BKB) dan Bajau Semporna (BS)*

Imbuhan Kata Kerja BKB	Imbuhan Kata Kerja BS
m-	am-
n-	an-
ng-	ang-

Jadual 1 memaparkan tiga awalan bagi bahasa BKB dan bahasa BS. Bahasa BKB mempunyai m-, n- dan ng-, sementara bahasa BS memiliki am-, an- dan ang- sebagai imbuhan awalan kata kerja. Semua awalan berkenaan akan mengubah makna kata dasar apabila diimbuhkan.

#### *Perbezaan imbuhan kata kerja Bahasa Bajau Kota Belud dengan Bajau Semporna*

Imbuhan awalan adalah suatu unsur yang secara struktural terletak di hadapan kata dasar. Imbuhan kata kerja yang mendukung makna me(N)- merupakan salah satu imbuhan dalam bahasa Bajau, sama ada yang dituturkan di daerah Kota Belud ataupun di daerah Semporna. Kata kerja ini merupakan antara imbuhan yang produktif dan aktif dalam bahasa BKB dan bahasa BS (Mahali, 2010). Bahasa BKB memperlihatkan m(N) dengan tiga alomorf, yakni m-, n- dan ng-. Setiap alomorf hadir pada fonem tertentu sahaja. Alomorf m- hanya bertemu dengan fonem p, b, t, d, l, dan r. Alomorf n- pula

hanya diimbuh dengan fonem t dan s sahaja, manakala alomorf ng- pula boleh diimbuh dengan fonem j, l, k, g, r, a, e, i, o, dan u. Sedangkan bahasa BS pula memiliki imbuhan a(N) dengan tiga alomorf juga, iaitu am-, an- dan ang-. Ketiga-tiga alomorf berkenaan juga akan berubah apabila diimbuhkan dengan fonem berbeza. Alomorf am- diimbuh dengan fonem-fonem p, b, t, d, h, l, k, r, s, a, i, dan o. Alomorf an- hanya berubah dengan fonem t dan s, sementara alomorf ang- pula hanya diimbuh dengan fonem h, l, k, n, t, a, e, i, o, dan u. Berdasarkan analisis yang dijalankan, maka berikut dipaparkan proses pembentukan kata berdasarkan jenis-jenis kata yang menerima imbuhan berkenaan dalam kedua-dua bahasa ini. Terdapat tiga jenis kata yang terlibat, iaitu kata nama, kata kerja dan kata adjektif (Jadual 2-7).

### Jadual 2

*Awalan m- dengan kata nama, kata kerja dan kata adjektif*

Awalan m- dengan kata nama	
busai (dayung)	= m + busai → musai (mendayung)
ruma' (rumah)	= m + ruma' → meruma' (di rumah)
anak (anak)	= m + anak → manak (membidankan orang)
Awalan m- dengan kata kerja	
bubut (cabut)	= m + bubut → mubut (mencabut)
pogos (paksa)	= m + pogos → mogos (memaksa)
bayad (bayar)	= m + bayad → mayad (membayar)
Awalan m- dengan kata adjektif	
panas (panas)	= m + panas → manas (marah)
rot (ketat)	= m + rot → merot (mengetat[kan])
pekong (tegang)	= m + pekong → mekong (menegang[kan])

### Jadual 3

*Awalan n- dengan kata nama, kata kerja dan kata adjektif*

Awalan n- dengan kata nama	
sarang (sarang)	= n + sarang → narang (membuat sarang)
sarung (sarung)	= n + sarung → narung (memakai)
sangkul (cangkul)	= n + sangkul → nangkul (menyangkul)
Awalan n- dengan kata kerja	
timan (buang)	= n + timan → niman (membuang)
sarad (tuai)	= n + sarad → narad (menuai)
sundak (jolak)	= n + sundak → nundak (menjolak)
Awalan n- dengan kata adjektif	
tuut (ikut)	= n + tuut → nuut (mengikut)
tagu' (letak)	= n + tagu' → nagu' (meletak)

taing (bimbit) = n + taing → naing (membimbit)

**Jadual 4**

*Awalan ng- dengan kata nama, kata kerja dan kata adjektif*

Awalan ng- dengan kata nama

anak (anak) = ng + anak → nganak (beranak)

dela (lelaki) = ng + dela → ngedela (menjadi lelaki)

laa' (darah) = ng + laa' → ngelaa' (berdarah)

Awalan ng- dengan kata kerja

rait (jahit) = ng + rait → ngerait (menjahit)

urud (parut) = ng + urud → ngurud (memarut)

lon (lawan) = ng + lon → ngelon (melawan)

Awalan ng- dengan kata adjektif

limut (umpat) = ng + limut → ngelimut (mengumpat)

dule' (marah) = ng + dule' → ngendule' (memarahi)

Iram (hitam) = ng + iram → ngiram (menghitam)

**Jadual 5**

*Awalan am- dengan kata nama, kata kerja dan kata adjektif*

Awalan am- dengan kata nama

busai (dayung) = am + busai → amusai (mendayung)

mistang (bubur) = am + mistang → amistang (memasak bubur)

hos (sarung) = am + hos → amahos (memakaikan kain sarung)

Awalan am- dengan kata kerja

piha (cari) = am + piha → amiha (mencari)

balla (masak) = am + balla → amalla (memasak)

tussuk (cucuk) = am + tussuk → anussuk (menyucuk)

Awalan am- dengan kata adjektif

beya' (ikut) = am + beya' → ameya' (mengikut)

bengket (angkat) = am + bengket → amengket (mengangkat)

hogot (ketat) = am + hogot → amahogot (mengetat[kan])

**Jadual 6**

*Awalan an- dengan kata nama, kata kerja dan kata adjektif*

Awalan an- dengan kata nama

sayul (sayur) = an + sayul → anayul (memasak sayur)

sabod (saguhati) = an + sabod → anabod (memberi saguhati)

sangkal (cangkul) = an + sangkul → anangkul (menyangkul)



Awalan an- dengan kata kerja
sulat (tulis) = an + sulat → anulat (menulis)
tilau (tanya) = an + tilau → anilau (menanya)
talik (cabut) = an + talik → analik (mencabut)
Awalan an- dengan kata adjektif
tanda (tanda) = an + tanda → ananda (menanda)
tokkon (tekan) = an + tokkon → anokkon (menekan)
tabang (tolong) = an + tabang → anabang (menolong)

**Jadual 7**

*Awalan ang- dengan kata nama, kata kerja dan kata adjektif*

Awalan ang- dengan kata nama
umpu (cucu) = ang + umpu → angumpu (mempunyai cucu)
laha' (darah) = ang + laha' → angalaha' (mengeluarkan darah)
lansang (paku) = ang + lansang → angalansang (memaku)
Awalan ang- dengan kata kerja
lait (jahit) = ang + lait → angalait (menjahit)
enso (kejar) = ang + enso → angenso (mengejar)
ende' (beri) = ang + ende' → angende' (memberi)
Awalan ang- dengan kata adjektif
kila (kenal) = ang + kila → angila (mengenal)
anna' (letak) = ang + anna' → anganna' (meletak)
keret (koyak) = ang + keret → angeret (mengoyak)

*Proses fonologi pengimbuhan Bahasa Bajau*

Ketika alat tutur kita menghasilkan suatu bunyi bahasa, maka terdapat proses yang terjadi, sama ada asimilasi, penggabungan, pelepasan, penambahan, atau penyesuaian bunyi terhadap bunyi yang lain. Hasil analisis pengkategorian data imbuhan menunjukkan dua proses fonologi dikesan, melibatkan konsonan di awal kata, iaitu (1) penyisipan dan (2) pengguguran. Proses fonologi bahasa BKB dan BS ini berlaku pada tahap kata. Analisis data imbuhan /m-/ dan /am-/ bagi kedua-dua bahasa dapat diteliti sebagaimana dalam Jadual 8.

**Jadual 8**

*Imbuhan m- dalam bahasa Bajau Kota Belud dan imbuhan am- dalam bahasa Bajau Semporna*

Imbuhan KK BS	Kata Dasar	Selepas imbuhan	Imbuhan KK BKB	Kata Dasar	Selepas imbuhan	Erti
am-	pene'	amene'	m-	pene'	mene'	memilih
	busai	amusai		busai	musai	mendayung
	tittowa	amatittowa		tito	metitoo	mentertawa[kan]
	diki'	amadiki'		diki'	mediki'	mengecil
	hogot	amahogot		rot	merot	mengetat
	likkas	amalikkas		lingau	melingau	mencepat[kan]
	saki	amasaki				menyakit[kan]
	kaat	amakaat				merosak[kan]
	rugal	amarugal				merisau[kan]
	aiyya'	ama'aiyya'				memalu[kan]
	inum	ama'inum				meminum
	ongka'	ama'ongka'				menyanyi[kan]

Jadual 8 memperlihatkan proses pembentukan kata dalam kedua-dua variasi bahasa Bajau. Imbuhan awalan am- dalam BS akan menyisipkan -a- pada kata dasar yang bermula dengan fonem t, d, h, l, k, s, r, a, i, dan o sedangkan fonem p dan b pula akan digugurkan semasa menerima imbuhan am-. Dalam bahasa BS, am- dengan sisipan -a- boleh mendukung makna apitan me-kan, mem-kan, men-kan, dan meng-kan sepertimana imbuhan dalam bahasa Melayu. Demikian juga keadaannya bagi imbuhan m- dalam Bajau Kota Belud yang akan menyisipkan -e- apabila diimbuh dengan fonem t, d, r, dan l, dan berlaku penguguran p dan b apabila menerima imbuhan m-. Semua kata sebelum diimbuh mendukung makna kata nama dan kata sifat dan berubah menjadi kata kerja selepas diimbuhkan. Contoh ayat dalam Jadual 9 menunjukkan perbezaan makna sebaik sahaja kata menerima imbuhan. Kesemua kata yang diimbuhkan akhirnya mendukung makna kata kerja.

**Jadual 9**

*Ayat menggunakan imbuhan am- dalam bahasa Bajau Semporna*

Bil.	Bahasa Bajau Semporna	Bahasa Melayu Standard
1.	<i><u>Busai</u> nu dahu boggo' tu pakosog.</i>	Dayung dahulu sampan ini sekuat yang boleh.
2.	<i>Amma' na <u>amusai</u> boggo' bang sigam angiskul.</i>	Ayahnya mendayung sampan jika mereka bersekolah.
3.	<i><u>Tittowa</u> sigam ni si Ahmad apak issa' ata'u magbol.</i>	Mereka ketawa kerana si Ahmad tidak tahu bermain bola.

4. *Bai alabu' min tangga si Amin, Si Amin terjatuh dari tangga, sekumpulan  
baanan makannak amatittowa ia.* kanak-kanak mengetawakan dia.

Jadual 9 memaparkan kata kerja *busai* dan kata adjektif *tittowa* dalam bahasa BS yang menerima imbuhan awalan am-. Kata *busai* mengekalkan peranan kata kerja meskipun telah diimbuhkan, namun sebaliknya bagi kata *tittowa* yang bertukar fungsinya daripada kata adjektif kepada kata kerja. Semua ayat dalam jadual tersebut merupakan ayat kata kerja transitif yang memerlukan penyambut frasa nama mengikutinya.

Jadual 10 pula memaparkan kata *busai* dan *tito* dalam bahasa BKB yang menerima imbuhan awalan m-. Kata *busai* mengekalkan peranan kata kerja meskipun telah diimbuhkan dan sebaliknya bagi kata *tito* pula bertukar fungsinya daripada kata adjektif ke kata kerja. Ayat-ayat dalam Jadual 10 juga merupakan ayat kata kerja transitif yang memerlukan penyambut frasa nama mengikutinya.

#### Jadual 10

*Ayat menggunakan imbuhan m- dalam bahasa Bajau Kota Belud*

Bil.	Bahasa Bajau Semporna	Bahasa Melayu Standard
1.	<i>Minggu boi ena' nu busai ea?</i>	Di mana telah kamu letak <u>dayung</u> itu?
2.	<i>Siyen boi musai biduk ea?</i>	Siapa yang telah <u>mendayung</u> perahu itu?
3.	<i>Tito bana atan mekaleh serita yang to ni.</i>	<u>Ketawa</u> betul atan mendengar cerita neneknya.
4.	<i>Rinsak bana gai metitoon banga peranak ea.</i>	Riuh betul mereka <u>mengetawakan</u> sekumpulan kanak-kanak itu.

Apabila morfem digabungkan untuk membentuk kata terbitan, biasanya penggabungan tersebut mendorong berlakunya proses fonologi. Interaksi antara rumus fonologi dan morfologi sangat penting dalam menghuraikan proses penerbitan kata. Penggabungan morfem mendorong pelaksanaan rumus fonologi termasuklah penggabungan antara morfem yang bermula dengan vokal dengan morfem yang berawal dengan konsonan, contohnya /ng+atag/ ataupun morfem yang berakhir dengan konsonan digabung dengan morfem yang berawal dengan konsonan juga, misalnya /ng+lonon/ dan /ng+rot/ yang memerlukan sisipan schwa -e- untuk menghasilkan kata baru. Kajian Onn (1980) yang menggunakan teori Fonologi Generatif Standard menangani perilaku fonologi berbeza di sempadan awalan dan akhiran itu dengan mengusulkan dua rumus fonologi berbeza, iaitu rumus penyisipan dan rumus pengguguran yang diformalisasikan seperti berikut:

Rumus penyisipan schwa /e/ dalam imbuhan m- dalam bahasa Bajau Kota Belud

Rumus 1:  $\phi \rightarrow /e/ k + \_\_\_ k$

Rumus 1 meletakkan sempadan awalan '+' sebagai sebahagian daripada deskripsi struktural rumus penyisipan schwa. Bagi memastikan rumus ini menjana output yang gramatis, perlaksanaannya haruslah diatur, iaitu rumus penyisipan schwa. Interaksi rumus tersebut adalah seperti contoh berikut:

<i>merot</i>			-
Representasi		dalam	/rot/
Representasi		dalam	/m+e+rot/
Representasi permukaan [merot]			

Rumus penyisipan /a/ dalam imbuhan am- dalam bahasa Bajau Semporna

Rumus 2:  $\phi \rightarrow /a/ k + \_\_\_ k$

<i>amarugal</i>			-
Representasi		dalam	/rugal/
Representasi		dalam	/am+a+rugal/
Representasi permukaan [amarugal]			

Berbanding dengan rumus pengguguran plosif /p/ dalam kedua-dua bahasa Bajau

Rumus 3:  $p \rightarrow \phi / k + \# \_\_\_$

<i>amene'</i>			-
Representasi		dalam	/pene'/
Representasi		dalam	/am+pene'/
Representasi		dalam	/am+ene'/
Representasi permukaan [amene']			

<i>mene'</i>			-
Representasi		dalam	/pene'/
Representasi		dalam	/m+pene'/
Representasi		dalam	/m+ene'/
Representasi permukaan [mene']			



Selain itu, perbezaan makna hasil daripada proses pembentukan kata itu juga dapat diteliti seperti contoh-contoh ayat dalam Jadual 12. Kata *tilau* dan *surai* dalam bahasa BS yang kemudiannya menerima imbuhan awalan an-. Kedua-dua kata tersebut didapati mengekalkan makna kata kerja meskipun telah diimbuhkan. Kesemua ayat di atas juga merupakan ayat kata kerja transitif yang memerlukan penyambut frasa nama mengikutinya.

### Jadual 12

*Ayat menggunakan imbuhan an- dalam bahasa Bajau Semporna*

Bil.	Bahasa Bajau Semporna	Bahasa Melayu Standard
1.	<i>Tilau</i> ku dahu embo' Naimah bang ia bilahi meya bayanan	Saya tanya dahulu nenek Naimah jikalau dia mahu menaiki perahu.
2.	Subai <i>anilau</i> dahu bang bilahi angindam pakakas.	Jikalau hendak meminjam perkakas, perlulah menanya terlebih dahulu.
3.	<i>Surai</i> ku bai nipong hek kamanakan ku.	Sisir kepunyaan saya telah dipatahkan oleh anak buah saya.
4.	Sialiku <i>anuraj</i> buun na kandi.	Adik saya menyisir rambutnya sendiri.

Konteks yang sama dapat diperhatikan dalam Jadual 13, yang memperlihatkan kata *tilau* dan *sudai* dalam bahasa BKB menerima awalan n- dan mengekalkan makna kata kerja meskipun selepas diimbuhkan. Ayat-ayat dalam jadual tersebut merupakan ayat kata kerja transitif yang memerlukan penyambut frasa nama mengikutinya.

### Jadual 13

*Ayat menggunakan imbuhan n- dalam bahasa Bajau Kota Belud*

Bil.	Bahasa Bajau Semporna	Bahasa Melayu Standard
1.	<i>Tilau</i> amna sik kau.	Amna <u>tanya</u> kamu tadi.
2.	Orop <i>nilau</i> laan sini' aku tu.	Saya sedang <u>menanya</u> jalan tadi.
3.	<i>Sudai</i> siyan jata' kerusi tu?	<u>Sisir</u> siapakah di atas kerusi ini?
4.	Punduk-punduk <i>nudaj</i> bu tekook jo kerjoon ni.	Duduk-duduk <u>menyisir</u> rambut sahaja kerjanya.

Terdapat dua imbuhan yang terlibat dalam jadual 14, yakni imbuhan ang- dalam bahasa BS dan imbuhan ng- dalam bahasa BKB. Imbuhan ang- melibatkan fonem vokal a, e, i, o, dan u, serta konsonan h, l, k, g, dan t. Apabila proses imbuhan berlaku maka

fonem k dan t akan digugurkan, sedangkan sisipan -a- akan dibuat semasa proses imbuhan ang- terhadap fonem vokal serta konsonan h, l dan g. Bagi imbuhan ng- dalam bahasa BKB, fonem k akan digugurkan apabila diimbuhkan.

**Jadual 14**

*Imbuhan ng- dalam bahasa Bajau Kota Belud dan imbuhan ang- dalam bahasa Bajau Semporna*

Imbuhan KK BS	Kata Dasar	Selepas Imbuhan	Imbuhan KK BKB	Kata Dasar	Selepas imbuhan
ang-	atu'	angatu	ng-	lonon	ngelonon
	ganta'	angangganta'		jangka'	ngejangka'
	kila	angila		kilo	ngilo
	honjog	angahonjog		gontor	nggontor
	lait	angalait		rait	ngerait
	tanda	ananda		atag	ngatag
	-	-		endo'	ngendo'
	engkot	angengkot		ingkot	ngingkot
	ugud	angugud		urud	ngurud
	-	-		osok	ngosok
	isbat	angisbat		-	-
	ollang	angollang		-	-

Vokal a, e, i, o, dan u yang menerima imbuhan ng- pula tidak mengalami sebarang perubahan berbanding imbuhan ng- dengan fonem j, l dan r yang akan menerima sisipan schwa -e- dalam pembentukan kata berkenaan. Rumus berkenaan adalah seperti berikut:

Rumus penyisipan schwa /e/ dalam imbuhan ng- dalam bahasa Bajau Kota Belud

Rumus 5:  $\phi \rightarrow /e/ k + \_\_\_ k$

Rumus 5 meletakkan sempadan awalan '+' sebagai sebahagian daripada deskripsi struktural rumus penyisipan schwa. Bagi memastikan rumus ini menjana output yang gramatis, perlaksanaannya haruslah diatur, iaitu rumus penyisipan schwa. Interaksi rumus tersebut adalah seperti contoh berikut,

<i>ngelonon</i>		-
Representasi	dalam	/lonon/
Representasi	dalam	/ng+e+lonon/
Representasi permukaan [ngelonon]		

Rumus penyisipan /a/ dalam imbuhan ang- dalam bahasa Bajau Semporna

Rumus 6:  $\phi \rightarrow /a/ k + \_\_\_ k$

<i>angalait</i>			-
Representasi	dalam		/lait/
Representasi	dalam		/ang+a+lait/
Representasi permukaan [angalait]			

Berbanding dengan rumus pengguguran fonem velar /k/ dalam kedua-dua bahasa Bajau

Rumus 7:  $k \rightarrow \phi / k + \# \_\_\_$

Rumus 7 meletakkan sempadan awalan '+' sebagai sebahagian daripada deskripsi struktural rumus pengguguran. Bagi memastikan rumus ini menjana output yang gramatis, perlaksanaannya haruslah diatur, iaitu rumus pengguguran. Interaksi rumus tersebut adalah seperti contoh berikut untuk kedua-dua kata bahasa Bajau.

<i>angila</i>			-
Representasi	dalam		/kila/
Representasi	dalam		/ang+kila/
Representasi	dalam	/ang+	ila/
Representasi permukaan [angila]			

<i>ngilo</i>			-
Representasi	dalam		/kilo/
Representasi	dalam		/ng+kilo/
Representasi	dalam	/ng+	ilo/
Representasi permukaan [ngilo]			

Pembentukan kata hasil imbuhan ng- and ang- dalam kedua-dua bahasa dapat dilihat perbedaannya melalui ayat-ayat dalam Jadual 15. Kata *lait* dan *agad* dalam bahasa BS menerima awalan n- dan mengekalkan makna kata kerja meskipun selepas diimbuhkan. Kesemua ayat di atas merupakan ayat kata kerja transitif yang memerlukan penyambut frasa nama mengikutinya.

**Jadual 15**

*Ayat menggunakan imbuhan ang- dalam bahasa Bajau Semporna*

Bil.	Bahasa Bajau Semporna	Bahasa Melayu Standard
1.	<i>Kaddai <u>lait</u> ma Tawau aheka.</i>	Kedai jahit di Tawau sangat banyak.
2.	<i>Babu' Salmah ata'u <u>angalait</u> badju kebaya.</i>	Makcik Salmah pandai menjahit baju kebaya.



3. *Agad nu aku dahu, emboho ka amole.* Tunggu saya selesai dahulu, kemudian kamu berangkat.
4. *Bang kam anqagad, Sumbeya na kita.* Kalau kamu menunggu, baik kita bersa sama.

Jadual 16 pula menunjukkan kata *atag* dan *gontor* dalam bahasa BKB yang menerima awalan n-. Bagi kata *gontor*, makna kata kerja dikekalkan meskipun selepas diimbuhkan, namun sebaliknya bagi kata *atag* yang awalnya merupakan kata adjektif telah berubah makna menjadi kata kerja selepas diimbuhkan. Semua ayat tersebut merupakan ayat kata kerja transitif yang memerlukan penyambut frasa nama mengikutinya.

**Jadual 16**

*Ayat menggunakan imbuhan ng- dalam bahasa Bajau Kota Belud*

Bil.	Bahasa Bajau Semporna	Bahasa Melayu Standard
1.	<i>Boi atag nu no kerabau ea?</i>	Sudahkah kamu tanda kerbau itu?
2.	<i>Pak ku ngataq karabau ni minggu dau.</i>	Pakcik saya menanda kerbaunya minggu lepas.
3.	<i>Ai gontor gai poon mangga ea.</i>	Mereka telah gegar pokok mangga itu.
4.	<i>Siyon boi nggontor poon mangga ea.</i>	Siapakah yang telah menggegar pokok mangga itu.

Proses fonologi ditemui pada setiap bahasa yang ada di dunia. Proses ini terjadi akibat pengaruh fonem yang berdekatnya serta dipengaruhi oleh lingkungan bunyi yang ciri-cirinya mirip dengan bunyi kata itu. Proses fonologi antara satu bahasa dengan bahasa lain dapat dibezakan melalui sama ada proses asimilasi, pengguguran, penambahan, penggabungan, penyisipan, atau metatesis. Sesetengah perkataan memiliki makna berbeza apabila dalam konteks tunggal berbanding digunakan dalam ayat. Namun begitu, perkara tersebut tidak menjejaskan proses pembentukan kata. Berasaskan paparan perbincangan dalam bahagian ini, didapati bahawa imbuhan awalan m(N) dan a(N) merupakan awalan aktif yang digabung dengan kata dasar untuk membentuk kata baru, dan sekali gus mendukung makna yang berbeza berbanding kata dasar itu sendiri apabila berada dalam konteks ayat. Didapati juga imbuhan awalan bahasa BKB dan bahasa BS memperlihatkan sedikit persamaan dengan dapatan Hassan (2019) mengenai imbuhan awalan /N-/ dalam dialek Melayu Sarawak, iaitu wujudnya alomorf m-, n-, ng-, dan ny-, yang boleh diimbuhkan dengan fonem-fonem /p, b, t, d, k, g, s, c, dan j/ serta imbuhan awalan dalam bahasa Jawa yang turut memperlihatkan

awalan N- dengan empat alomorf, yakni /m-, n-, ng-, dan ny-/ (Asmoko, 2014; Mulyani, 2011). Dalam hal ini, yang membezakannya adalah bahasa BKB dan bahasa BS tidak memiliki alomorf ny-, namun memperlihatkan proses fonologi yang sama.

Kajian juga menemukan beberapa persamaan antara imbuhan kata kerja dalam bahasa Jawa, dialek Melayu Sarawak dengan kedua-dua bahasa Bajau. Padanan imbuhan tersebut bergantung kepada jenis imbuhan awalan yang digabung. Imbuhan awalan dalam bahasa Jawa memperlihatkan /m-, n-, ng-, dan ny-/, dialek Melayu Sarawak memiliki /m-, n- dan ng-/ yang berpadanan dengan awalan dalam bahasa BKB /m-, n- dan ng-/, demikian juga dengan awalan bahasa BS, iaitu /am-, an- dan ang-/. Padanan bagi keempat-empat bahasa dapat diteliti menerusi Jadual 17.

### Jadual 17

*Persamaan imbuhan awalan antara bahasa Jawa, Dialek Melayu Sarawak, Bajau Kota Belud dan Bajau Semporna*

Kata Dasar	Bahasa Jawa	Dialek Melayu Sarawak	Bajau Kota Belud	Bajau Semporna	Erti
sapu	nyapu	nyapu	napu	anapu	menyapu
tumbuk	nutuk	numbo'	nepo	anappah	menumbuk
potong	ngetok	motong	mutung	amotong	memotong
kumpul	ngumpul	ngumpul	ngumpul	angompol	mengumpul

Jadual 17 memaparkan wujudnya persamaan bentuk imbuhan awalan kata kerja bagi empat bahasa, iaitu bahasa Jawa, dialek Melayu Sarawak, bahasa BKB, dan bahasa BS. Persamaan yang wujud antara kesemua bahasa berkenaan memperlihatkan ikatan rumpunan daripada bahasa Austronesia yang berada di wilayah ini. Kesemua awalan berkenaan sangat produktif dalam bahasa-bahasa berkenaan selain memperlihatkan bentuk, perilaku sintaksis dan semantik yang berbeza dalam konteks ayat. Miller (2007) yang turut meneliti aspek morfologi bahasa BKB menyimpulkan bahawa terdapat tiga jenis ayat dalam bahasa BKB, iaitu; (1) ayat *actor voice* yang kata kerjanya ditandai dengan imbuhan akhiran sengau (biasanya m-, n- atau ng-) dan susunan ayatnya ialah subjek-kata kerja-objek; (2) ayat *undergoer voice* yang kata kerjanya tidak mempunyai imbuhan akhiran sengau dan susunan ayatnya ialah kata kerja-subjek-objek; dan (3) ayat pasif yang kata kerjanya ditandai dengan -in- atau ni- dan biasanya pelaku dihilangkan. Beliau juga menyatakan bahawa akhiran sengau N- (m-, n-, ng-, dan ngen-) mengungkapkan haluan pelaku pada kata kerja transitif dan tak transitif.

Kajian ini mendapati kesemua imbuhan awalan dalam kedua-dua bahasa, BKB dan BS merupakan kata kerja transitif yang memerlukan objek mengikuti, yakni frasa nama untuk melengkapkannya. Ia dapat diperhatikan sebagaimana contoh-contoh ayat yang telah diberi. Imbuhan awalan kata kerja bahasa BKB dan bahasa BS memiliki pelbagai bentuk, makna dan fungsi dalam ayat. Ia menerangkan dua perkara, iaitu; (1) makna untuk melakukan sesuatu; dan (2) makna untuk menyatakan sesuatu. Selain itu, ayat-ayat yang mengandungi imbuhan kata kerja dalam bahasa BKB dan bahasa BS

menduduki fungsi sebagai subjek, predikat, objek, pelengkap, ataupun keterangan. Melalui beberapa rumus pembentukan kata yang telah dipaparkan sebelumnya menunjukkan bahawa imbuhan-imbuhan awalan bahasa BKB dan bahasa BS merupakan imbuhan yang produktif dari segi makna dan produktif dari segi kekerapan gandingannya dengan perkataan daripada kelas kata berbeza.

### **Kesimpulan**

Setiap bahasa mempunyai aturan morfologi masing-masing. Pengimbuhan dalam bahasa Bajau melibatkan bentuk awalan, akhiran, apitan, dan sisipan. Antara bentuk imbuhan yang aktif termasuklah imbuhan awalan khusus yang melibatkan kata kerja. Memandangkan perbincangan awalan ini adalah untuk meneliti perbandingan imbuhan awalan kata kerja antara bahasa Bajau yang dituturkan di daerah Kota Belud dan bahasa Bajau yang dituturkan di daerah Semporna, maka fokus perbincangan bertumpu kepada imbuhan kata kerja sahaja. Berdasarkan penelitian awal ini didapati bahawa bahasa Bajau Kota Belud memiliki lapan bentuk imbuhan awalan, iaitu m(N); pe-, te-, se-, -in-, -an, ke-an, dan pe-an, manakala imbuhan awalan dalam Bajau Semporna pula sebanyak 16 bentuk imbuhan, yakni a(N), anga(N), pi-, bi-, ki-, gi-, si-, ti-, ni-, nipa-, -in-, mag-, -an, -un, ta-, dan pa-. Walau bagaimanapun, perbincangan dibataskan hanya kepada imbuhan awalan m(N) dan a(N) yang merangkumi aspek kata kerja aktif dalam kedua-dua bahasa. Kedua-dua imbuhan ini mendukung maksud hampir serupa dengan imbuhan awalan me(N) dalam bahasa Melayu. Dengan mengetahui sekurang-kurang salah satu bentuk imbuhan, proses pemahaman terhadap kedua-dua bahasa ini akan lebih mudah dan mampu mengurangkan salah tafsir serta salah faham semasa proses berbahasa. Memandangkan masih terdapat banyak lagi bentuk imbuhan lain dalam bahasa ini, maka perlu diusahakan dan diteruskan penelitian lanjutan berkait aspek imbuhan dalam bahasa-bahasa ini pada masa akan datang. Kajian ini juga diharap mampu menjelaskan proses morfologi asas dalam bahasa Bajau Kota Belud yang berbeza daripada bahasa Bajau di daerah Semporna, Sabah.

### Rujukan

- Ab Gani, A. W. (2009). *Morfologi bahasa Bajau laut di Pulau Danawan, Semporna, Sabah*. Universiti Malaya.
- Akamine, J. (2005). Sama (Bajau). In A. Alexander & H. Nikolaus (Eds.), *The Austronesian languages of Asia and Madagascar*. Routledge.
- Alias, N., & Collins, J. T. (2017). Pendokumentasian dialek Ulu Terengganu sebagai wahana komunikasi: Satu tinjauan awal aspek morfologi. *Jurnal Melayu, Isu Khas*(12), 436-547.
- Allison, E. J. (1979). The phonology of Sibu Sama: A language of the southern Philippines. *Studies in Philippine Linguistics*, 3(2), 63-104.
- Aronoff, M., & Fudeman, K. (2010). *What is morphology?* (2nd ed.) Wiley-Blackwell.
- Asmoko, Y. W. (2014). *Pembentukan verba turunan bahasa Jawa dengan bahasa Indonesia berdasarkan kamus (analisis kontrastif)*. Fakultas Bahasa dan Seni, Universitas Negeri Yogyakarta, Indonesia.
- Bagul, A. G. (1950). Notes on the Bajau language. *The Sarawak Museum Journal*, 5(2), 196-200.
- Banker, E. F. (1984). The west coast Bajau language. In J. K. King & J. W. King (Eds.), *Languages of Sabah: A survey report* (pp. 101-112). Australian National University.
- Candrawati, N. L. K. (1997). *Struktur bahasa Bajo*. Pusat Pembinaan dan Pengembangan Nasional.
- Chandra, N. (2010). Lexicon and word formation in Indonesian Bajo. *Wacana*, 12, 322–344.
- Ethnologue. (n.d.). *OLAC resources in and about Bajau, West Coast*.  
<https://www.ethnologue.com/size-and-vitality/bdr>
- Fiske, S. T., Cuddy, A. J. C., Glick, P., & Xu, J. (2002). A model of (often mixed) stereotype content: Competence and warmth respectively follow from perceived status and competition. *Journal of Personality and Social Psychology*, 82, 878-902.
- Greenwald, A. G., & Banaji, M. R. (1995). Implicit social cognition: Attitudes, self-esteem, and stereotypes. *Psychological Review*, 102, 4-27.
- Grimes, B. F. (2003). Sama-Bajaw languages. In W. J. Frawley (Ed.), *International encyclopedia of linguistics* (2nd ed., Vol. 3, pp. 496-498). Oxford University Press.
- Hapip, A. D., & Darmansyah, N. B. (1979). *Bahasa Bajau*. Departemen Pendidikan dan Kebudayaan.
- Hassan, S. (2019). Morfologi: Analisis produktiviti imbuhan awalan dalam dialek Melayu Sarawak. In M. F. Subet (Ed.), *Linguistik, bahasa dan budaya Sarawak* (pp. 13-24). Penerbit Universiti Malaysia Sarawak.
- Hinayat, M. S. (2003). *Glosari bahasa Bajau/sama-bahasa Melayu*. Persatuan Seni Budaya Bajau (PSBB).
- Lewis, M. P., & Simons, G. F. (2010). Assessing endangerment: Expanding Fishman's EGIDS. *Revue Roumaine de Linguistique*, 55(2), 103-120.

- Mahali, S. N. (1997). Korpus bahasa Bajau: Satu perbandingan awal. *Jurnal Dewan Bahasa*, 41(2), 142-155.
- Mahali, S. N. (1998). Rangkaian bahasa Bajau nusantara: Satu tinjauan leksikal. *Jurnal Dewan Bahasa*, 42(2), 158-166.
- Mahali, S. N. (2002). Morfologi Bajau Kota Belud: Suatu penelitian awal. *Jurnal Dewan Bahasa*, 2(5), 59-63.
- Mahali, S. N. (2010). Perbandingan dialek Bajau Kota Belud dan Bajau Semporna, Sabah. *Jurnal Melayu*, 5, 333-374.
- Masri, Z. (2001). *Morfologi bahasa Bajau: Dari aspek analisis pembentukan kata kerja*. Universiti Brunei Darussalam.
- Miller, T. M. (2007). *A grammar of west coast Bajau* [PhD dissertation. University of Texas Arlington].
- Mirafuentes, E. M. (1991). *Contrastive analysis of verb morphology of central Sinama and Bajau Darat for purposes of computer assisted dialect adaptation program*. [Master thesis]. Philippine Normal College.
- Mulyani, S. (2011). Verba turunan dalam bahasa Jawa. *Jurnal Penelitian Bahasa, Sastra dan Pengajarannya (LITERA)*, 10(1), 64-75.
- Nida, E. A. (1974). *Morphology: The descriptive analysis of words*. The University of Michigan Press.
- Omar, A. (1980). The Bajau Darat language. *The Brunei Museum Journal*, 4(4), 11-29.
- Omar, A. (1983). *Bajau, the Malay peoples of Malaysia and their languages*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Omar, A. (2001). *Kaedah penyelidikan bahasa di lapangan*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Onn, F. M. (1980). *Aspects of Malay phonology and morphology: A generative approach*. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Pallesen, A. K. (1979). The Pepet in Sama-Bajaw. In N. D. Liem (Ed.), *South-east Asian Linguistic Studies* (Vol. 3, pp. 115-142). Pacific Linguistics, the Australian National University.
- Ruhlen, M. (1987). *A guide to the world's languages*. Stanford University Press.
- Sather, A. C. (1968). Some notes concerning Bajau Laut phonology and grammar. *Sabah Society Journal*, 3(4), 205-224.
- Sather, A. C. (1997). *The Bajau Laut: Adaptation history and fate in a maritime fishing society of south-eastern Sabah*. Oxford University Press.
- Schneeberger, W. F. (1937). A short vocabulary of the Banggi and Bajau languages. *Journal of the Malayan Branch of the Royal Asiatic Society*, 15(3), 145-64.
- Smith, K. D. (1984). The languages of Sabah: A tentative lexicostatistical classification. In J. K. King & J. Y. King (Eds.), *Languages of Sabah: A survey report* (pp. 1-49). Australian National University.
- Tahir, M. (1989). *Bahasa Bajau Darat: Beberapa aspek morfologi*. Jabatan Pengajian Melayu, Fakulti Sains Sosial, Universiti Malaya.
- Verheijen, J. A. J. (1986). *The Sama/Bajau language in the lesser Sunda Islands*. National University of Australia.

- Walton, C. (1979). Pangutaran (Sama) phonology. *Studies in Philippine Linguistics*, 3(2), 189- 216.
- Walton, C. (1986). *Sama verbal semantics: Classification, derivation and inflection*. Linguistic Society of the Philippines.
- Walton, J., & Moody, D. C. (1984). The east coast Bajau language. In J. K. King & J. W. King (Eds.), *Languages of Sabah: A survey report* (pp. 113-123). Australian National University.
- Yaakob, Y. J., & Abbas, I. (1986). *Kosa kata bahasa Bajau: Satu tinjauan awal*. Dewan Bahasa dan Pustaka.

**Informan:**

Maimunah binti Hj. Ismail (60 tahun)  
Siti Murni binti Hj. Ansar (62 tahun)  
Sitti Nasirah binti Abdul Salim (65 tahun)  
Tiara binti Bedan (64 tahun)